



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**ADAPTASI KEMANDIRIAN DAN KELESTARIAN PRESTASI  
AKADEMIK PELAJAR ANTARABANGSA  
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

*ADAPTATION OF INDEPENDENCE AND SUSTAINABILITY ACADEMIC  
PERFORMANCE AMONG INTERNATIONAL STUDENTS  
IN MALAYSIAN PUBLIC UNIVERSITY*

Irma Wani Othman<sup>1</sup>, Muhammad Safuan Yusoff<sup>2</sup>, Siti Aidah Lukin @ Lokin<sup>3</sup>, Romzi Ationg<sup>4</sup>,  
Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>5</sup>, Mohd Kamal Mohd Shah<sup>6\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: safuan\_y@yahoo.com

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: sitiaida@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mrationg@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: amrazif@ums.edu.my

<sup>6</sup> Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mkamalms@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 30.11.2020

Published date: 06.12.2020

**To cite this document:**

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Lokin, S. A., Ationg, R., Muis, A. M. R. A., Shah, M. K. M. (2020). Adaptasi Kemandirian Dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia.. International Journal of

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

**Abstrak:**

Fenomena globalisasi memangkinkan mobiliti konfugirasi golongan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian tinggi ke luar negara. Malaysia merupakan salah satu destinasi tumpuan pelajar antarabangsa di mana kelebihan tersebut sinonim dengan dasar pengantarabangsaan negara yang semakin proaktif dalam melakukan pengambilan pelajar antarabangsa. Inisiatif tersebut diambil demi melonjakkan kedudukan IPT Malaysia dalam liga global penarafan hub pendidikan berprestij. Rentetan dari itu, objektif kajian ini memberi penumpuan untuk mengkaji maklum balas pengalaman proses adaptasi kemandirian pelajar antarabangsa yang menjadi percaturan kedatangan golongan tersebut ke negara ini. Pendekatan kualitatif menggunakan temu bual separa berstruktur melibatkan 40 temu bual mendalam ke atas pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di empat universiti awam terpilih. Hasil dapatan membuktikan terdapat

Law, Government and  
Communication, 5 (21), 138-159.

DOI: 10.35631/IJLGC.5210011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



perkaitan antara adaptasi kemandirian dengan kelestarian prestasi akademik pelajar tahun pertama. Faktor yang memberi impak berbeza terhadap adaptasi kemandirian pelajar antarabangsa dilihat dalam konteks (i) dasar memperkasa Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar universiti, (ii) perakuan akreditasi berterusan, (iii) penawaran program pengajian yang bersifat kontemporari dan mempunyai nilai tambah kebolehasaran, (iv) kepuasan pelanggan dan penyelarasan jaminan kualiti perkhidmatan serta (v) pengiktirafan reputasi universiti. Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kertas kerja ini merupakan informasi bernilai bukan sahaja kepada bakal pelajar antarabangsa yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara, malahan boleh dimanfaatkan sebagai garis panduan pihak pengurusan universiti dalam memahami implikasi adaptasi kemandirian yang mempunyai kelangsungan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa.

**Kata Kunci:**

Universiti Awam Malaysia, Pelajar Antarabangsa, Adaptasi, Kemandirian, Kelestarian, Prestasi, Akademik

**Abstract:**

The phenomenon of globalization catalyses the mobilization of international students to pursue higher education abroad. Malaysia is one of the destinations for international students where the advantage is synonymous with the country's increasingly proactive internationalisation policy in recruiting international students. This initiative was taken to boost the position of Malaysian Higher Learning Institutions in the global league of prestigious education hub ratings. Therefore, the objective of this study is to focus on studying the feedback of the experience of the process of adaptation of international students' independence which is the key to the arrival of these groups to this country. A qualitative approach using semi-structured interviews which involved 40 in-depth interviews of international students currently studying at four selected public universities. The findings had proven that there is a link between the adaptation of independence and sustainability of the academic performance of first-year students. The factors that have a different impact on the adaptation of international students' independence are seen in the context of (i) English language as a medium of teaching and learning, (ii) ongoing accreditation, (iii) offering contemporary and added value programmes, (iv) customer satisfaction and service quality assurance and (v) university reputation recognition. The findings discussed in this paper are valuable information not only for prospective international students who wish to further their studies abroad but can also be used as a guideline for the universities' management in understanding the implications of self-adaptation that has continuity with academic achievement among international students.

**Keywords:**

Public Universities of Malaysia, International Students, Adaptation, Independence, Sustainability, Academic, Performance

## Pengenalan

Pengajian Tinggi Malaysia berkembang pesat bagi memenuhi tuntutan globalisasi terhadap perluasan akses pendidikan di peringkat antarabangsa. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dilihat proaktif dalam usaha mempergiatkan dan menjadikan dasar pengantarabangsaan universiti negara sebagai salah satu teras strategik pelan Pendidikan Tinggi Negara (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2018). Strategi utama dasar pengantarabangsaan berkenaan termasuklah (i) penambahan bilangan pelajar antarabangsa, (ii) perluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan (iii) penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) untuk mencapai sasaran enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 200,000 orang menjelang tahun 2020 (Portal UKM, 2015). Menurut Laporan Bernama (2019), peningkatan bilangan pelajar antarabangsa ke Malaysia dalam sektor pendidikan menyumbang secara drastik kepada pertumbuhan ekonomi negara. Perkara tersebut dibuktikan menerusi purata perbelanjaan seorang pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian ke Malaysia adalah kira-kira RM46 ribu setahun di mana jumlah tersebut dikatakan berupaya untuk menjana pendapatan negara sebanyak RM7.2 billion (Bernama, 2019). Memorandum persefahaman (MOU) merupakan alternatif bijak bagi menarik kehadiran pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian ke negara ini. Menerusi memorandum persefahaman yang ditandatangani bersama negara lain memperlihatkan penerimaan kualiti sistem pendidikan negara sebagai pilihan destinasi pengajian mereka. Ini membuktikan bahawa Malaysia terus memperlihatkan komitmen dalam mewujudkan pendidikan berkualiti yang mampu bersaing di peringkat global (Berita RTM, 2016).

Namun begitu aspek akademik turut berperanan sebagai elemen *transformative* dalam membawa perubahan ke dalam kehidupan setiap individu (Glass dan Westmont, 2014). Pelajar antarabangsa meletakkan satu matlamat utama melanjutkan pengajian di luar negara sebagai suatu proses memanfaatkan pendidikan terbaik demi membuka ruang menjadi graduan berkualiti dan seterusnya mempunyai jaminan masa depan. Justeru itu, perkara mandatori yang menjadi kekusaran pelajaran adalah elemen adaptasi kemandirian dalam menempuh dunia akademik baru (Hamad dan Suzanne, 2016). Majoriti dari pelajar antarabangsa menghadapi pelbagai masalah berhubung dengan pelarasan sistem akademik di luar negara yang menjejaskan pencapaian prestasi akademik mereka. Elemen kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan universiti yang harus diambil kira merangkumi kaedah pembelajaran dan pengajaran meliputi aspek penilaian kursus, pengendalian kursus, kualiti pensyarah, hasil pembelajaran serta kemudahan pembelajaran termasuklah perpustakaan, tempat penginapan dan kemudahan kesihatan di mana mampu memberi tahap kepuasan kepada pelajar sepanjang tempoh masa pengajian mereka. Perbincangan kertas kerja ini merupakan sumbangan data empirikal terhadap persepsi pelajar antarabangsa dalam menentukan tahap kepuasan mereka terhadap institusi pengajian tinggi.

## Sorotan Literatur

Konsep pelajar antarabangsa merangkumi suatu skop yang luas dan meliputi pelbagai definisi berbeza. Manakala pengalaman tahun pertama pula adalah merupakan suatu tempoh masa yang dilalui oleh setiap pelajar baru yang melibatkan emosi dalam kehidupan dan sering mengalami tekanan disebabkan oleh kejutan dari segi perbezaan budaya, nilai sosial yang berupaya untuk mempengaruhi pencapaian akademik.

**Jadual 1: Sumbangan Hasil Kajian Sarjana Pengurusan Pelajar Antarabangsa**

<b>Sarjana</b>	<b>Sumbangan</b>
Becker dan Kolster, (2012)	Pentakrifan pelajar antarabangsa sebagai individu berhijrah merentas sempadan negara untuk melanjutkan pengajian tinggi dan bertaraf bukan warganegara.
Lewis (2016); James-MacEachern dan Yun (2017)	Pengalaman tahun pertama adalah fasa penting yang penuh dengan pelbagai cabaran, perubahan serta memerlukan jati diri bagi memudahkan adaptasi kemandirian di negara tuan rumah.
Devi dan Nair, (2008); Newsome dan Cooper, (2016); Irma Wani, Hasbullah and Norazah, (2019a); Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, (2019a)	Pendefinisian pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa sebagai satu set pengalaman yang membantu proses adaptasi kemandirian yang mempunyai kelangsungan dengan pengurusan emosi terutama dalam kehidupan. Tekanan asimilasi diri dari segi perbezaan budaya, dan nilai sosial negara tuan rumah mempengaruhi pencapaian akademik. Antara faktor penyumbang adalah pengiktirafan reputasi universiti dan akreditasi berterusan, kepuasan pelajar sebagai pelanggan universiti dan penawaran program pengajian yang kompetitif.
Herlina <i>et al.</i> , (2017)	Motif pelajar antarabangsa ke luar negara adalah mendapatkan pengalaman baru, mendalami budaya tempatan dan mencuba sistem pendidikan baru.
Chen, (2017)	Mengklasifikasikan elemen penolakan pelajar antarabangsa keluar untuk melanjutkan pengajian daripada negara asal mereka dan mengenal pasti penyebab pemilihan individu untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.
Mazzarol dan Soutar (2002)	Faktor tolakan belajar di luar negara (i) program pengajian di luar negara lebih baik berbanding di negara asal, (ii) sukar memperoleh tawaran pengajian di negara asal, (iii) menerokai budaya negara luar, (iv) program pengajian tidak ditawarkan dalam negara dan (v) mendapatkan pengalaman baru di negara luar.
Mazzarol dan Soutar (2002)	Faktor tarikan tersebut iaitu (i) pengetahuan tentang latar belakang negara tuan rumah, (ii) cadangan pihak ibu bapa, teman rapat, ejen serta reputasi universiti, (iii) kos pengajian berpatutan, (iv) persekitaran pembelajaran kondusif, (v) kedudukan strategik (vi) kemudahan prasarana serta jaringan social.
Glass dan Westmont, (2014)	Aspek akademik memainkan peranan sebagai elemen <i>transformative</i> dalam membawa perubahan ke dalam kehidupan setiap individu.
Hamad dan Suzanne, (2016)	Adaptasi Kemandirian dengan persekitaran akademik yang baru berkaitan kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan universiti.
Singh, Jack dan Schapper, (2014)	Kelebihan perkhidmatan pendidikan ditawarkan oleh negara tuan rumah meliputi aspek penilaian kursus, pengendalian kursus, kualiti pensyarah, hasil pembelajaran serta kemudahan pembelajaran seperti perpustakaan, tempat penginapan dan kemudahan kesihatan.
Irma Wani, Hasbullah and Norazah, (2019a)	Tahap kepuasan pelajar (i) kualiti akademik dan pentadbiran universiti, (ii) aktiviti dan kehidupan kampus, (iii) jangkaan pelajar terhadap konsep mesra pelanggan dan (iv) demografi pelajar antarabangsa.
Azizah, Hamidah dan Roziana Shaari, (2011); Irma Wani <i>et al.</i> , (2018b)	Elemen pemilihan universiti (i) pensyarah berpengalaman, (ii) kualiti pengajaran, (iii) serta reka bentuk sistem kurikulum komprehensif dan (iv) suasana pembelajaran kondusif.

Yan, (2017)	Faktor pelajar antarabangsa terpinggir berpunca daripada kealpaan segelintir pensyarah yang lebih prihatin terhadap kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar antarabangsa berbanding hak pelajar antarabangsa untuk mendapat ilmu.
Irma Wani <i>et al.</i> , (2017)	Kepakaran dan minat pensyarah terhadap kursus yang diajar adalah signifikan dalam menentukan kualiti pengajaran yang disampaikan oleh mereka.
Kam (2014)	Pelajar tempatan meletakkan jurang pemisah dengan pelajar antarabangsa telah menyebabkan golongan tersebut tidak gemar untuk melakukan kerja secara berkumpulan.
Liew (2012); Yan, (2017); Dora <i>et al.</i> , (2014); Herlina <i>et al.</i> , (2018)	Program bersifat kontemporari dijadikan faktor utama berupaya menarik minat pelajar antarabangsa sewaktu melakukan pemilihan institusi pengajian di luar dari negara asal. Pemilihan Malaysia sebagai destinasi pengajian adalah disebabkan oleh pengiktirafan antarabangsa terhadap program pengajian yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi negara.
Nilsson dan Ripmeester, (2016)	Pemilihan program pengajian yang mempunyai isi kandungan pembelajaran komprehensif serta menepati kehendak pasaran dan keperluan pekerjaan merupakan aspek yang dititikberatkan oleh calon pelajar antarabangsa.
Herlina <i>et al.</i> , (2018)	Kontemporari dan fleksibiliti program pengajian menjadi daya tarikan utama kepada pelajar antarabangsa dalam melanjutkan pengajian di luar negara.
Noel, Levitz dan Saluri, (2012); Glass dan Westmont, (2014); Herlina <i>et al.</i> , (2018)	Kebolehpasaran graduan menjadi indikasi bagi kredibiliti sesebuah universiti dan berfungsi sebagai kayu pengukur dalam kriteria pemilihan pelajar antarabangsa.
Liew, (2012)	Penawaran program melibatkan industri luar seperti “ <i>attachment</i> ”, “ <i>industrial training</i> ”, “ <i>hands-on</i> ” mempunyai nilai tambah ( <i>value added.</i> )
Kim, (2015)	Keupayaan untuk berkomunikasi mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian ke luar negara.
Chew, Russayani dan Eam, (2010); Dora <i>et al.</i> , (2014); James-MacEachern dan Yun, (2017)	Kebanyakan daripada pelajar antarabangsa dari serata dunia memperlihatkan kecenderungan untuk memilih negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ini selari dengan penarafan Bahasa Inggeris yang menjadi pilihan sektor ekonomi dan perniagaan antarabangsa.
Gilakjani, (2015)	Medium bahasa pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh universiti mampu mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa memilih program dan destinasi pengajian di luar negara.
Zhang dan Mi (2014) Herlina <i>et al.</i> , (2017) Falcone, (2017)	Masalah penguasaan Bahasa Inggeris banyak mendatangkan tekanan kepada pelajar antarabangsa yang mempunyai penguasaan yang lemah dan memberi implikasi negatif pada pencapaian akademik.
Kuo (2011), Gilakjani, (2015)	Kriteria penguasaan Bahasa Inggeris merangkumi aspek memahami, mendengar dan menguasai lisan, intonasi sebutan, gaya percakapan serta kurang keyakinan dalam berinteraksi.
Cao dan Meng, (2012)	Pelajar antarabangsa mengalami masalah pembelajaran sekiranya mereka tidak mahir berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris.
Gresham, (2013);	Bahasa negara tuan rumah masih diamalkan sebagai bahasa pengantar

Arkoudis dan Baik, (2014)	oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana faktor tersebut menjadi penyumbang kepada pelajar antarabangsa tidak memahami terhadap ilmu yang disampaikan pensyarah di dalam kuliah.
Irma Wani <i>et al.</i> , (2017).	Sistem pendidikan negara destinasi lebih terjamin serta berkualiti berbanding dengan sistem pendidikan di negara asal mereka
Gabel, Dolen dan Cerdin, (2013);	Pencapaian sumber dalam talian memerlukan penguasaan Bahasa Inggeris dan memberi kesan ke atas keupayaan menyiapkan tugas dan menduduki peperiksaan.

Berdasarkan Jadual 1 di atas telah memperlihatkan sumbangan dari hasil kajian sarjana pengurusan pelajar antarabangsa. Wujud lompang sorotan literatur yang membincangkan elemen adaptasi kemandirian dalam kalangan golongan pelajar antarabangsa serta dikaitkan dengan kelestarian pencapaian prestasi mereka semasa berada dalam pengajian di luar negara. Justeru itu kertas kerja ini boleh memberikan perspektif baru bagi mengisi kelompangan tersebut.

### Metodologi

Pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam ke atas 40 orang pelajar antarabangsa empat Universiti Awam Malaysia menjadi pilihan kajian ini. Keterlibatan pelajar antarabangsa untuk turut dalam kajian ini adalah secara suka rela dan dilaksanakan ketika mereka masih berada dalam tahun pertama pengajian. Pemilihan empat Universiti Awam Malaysia adalah berdasarkan reka bentuk kajian kes di mana setiap satu daripada universiti yang dipilih mempunyai perbezaan dari segi lokasi, status pengkategorian Universiti Awam Malaysia dan bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar di universiti berkenaan. Kajian rintis turut dilakukan bagi mendapatkan protokol temu bual yang bersesuaian serta mengenal pasti latar belakang unit sosial berdasarkan interaksi persekitaran dalam komuniti tertentu (Simons, 2009; Thomas, 2011). Manakala penggunaan kaedah temu bual separa berstruktur pula dilakukan bagi memberi kebebasan kepada penemu ramah untuk tidak terikat sepenuhnya dengan set soalan temu bual yang telah dibangunkan (Creswell, 2013; Flick, 2014). Teknik tersebut bertepatan dengan kajian yang bersandarkan penerokaan untuk memperoleh jawapan yang lebih mendalam dari informan kajian (Seidman, 2006). Pembangunan data tematik dilakukan ke atas transkripsi temu bual melalui proses pengkodan (Eriksson dan Kovalainen, 2016; Babbie, 2017). Ini seterusnya menghasilkan tema dominan dan subdominan seperti mana yang dibincangkan dalam kertas kerja ini.

### Hasil Penyelidikan

Kertas kerja ini membincangkan hasil kajian berhubung adaptasi kemandirian sekumpulan pelajar antarabangsa dengan kelestarian pencapaian akademik semasa mengikuti pengajian selama satu hingga 3 tahun di Universiti Awam Malaysia. Terdapat lima elemen yang mengimbangi pencapaian akademik dan cabaran asimilasi kehidupan peribadi pelajar antarabangsa. Antara perbincangan yang diketengahkan dalam kertas kerja ini adalah seperti berikut iaitu (i) Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Dasar Memperkasa Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Pengantar Universiti Awam Malaysia, (ii) Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Perakuan Akreditasi Berterusan Universiti Awam Malaysia, (iii) Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Penawaran Program Pengajian Universiti Awam Malaysia Bersifat Kompetitif dan Nilai Tambah Kebolehpasaran, (iv) Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Merujuk Kepuasan Pelanggan dan Penyelarasan Jaminan Berterusan Kualiti Perkhidmatan

Universiti Awam Malaysia dan (v) Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Pengiktirafan Reputasi Universiti Awam Malaysia.

### **Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Dasar Memperkasa Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Pengantar Universiti Awam Malaysia**

Memasuki era globalisasi, penguasaan Bahasa Inggeris bukan lagi dilihat sebagai elemen nilai tambah tetapi dianggap sebagai antara syarat utama bakal majikan masa kini. Tidak dinafikan hubungan antara bahasa dan ekonomi adalah rumit. Namun kemahiran Bahasa Inggeris adalah suatu perkara wajib bagi pelajar antarabangsa kerana ia merupakan bahasa universal iaitu wajib ditawarkan oleh pihak universiti yang mengambil pelajar antarabangsa. Berdasarkan Jadual 2, seramai 33 orang pelajar antarabangsa menyatakan pandangan bahawa antara alasan kukuh mereka berminat belajar di luar negara adalah untuk mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris. Majoriti pelajar antarabangsa dalam kajian ini sepakat dengan pendapat fenomena globalisasi telah menjadikan Bahasa Inggeris semakin kritikal, di mana penggunaan bahasa tersebut sebagai medium bahasa universal dalam ekonomi dan perniagaan antraabangsa.

**Jadual 2: Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Dasar Memperkasa Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Pengantar Universiti Awam Malaysia**

<b>Universiti I</b>	<b>Universiti II</b>	<b>Universiti III</b>	<b>Universiti IV</b>
Pelajar Antarabangsa 1	Pelajar Antarabangsa 13	Pelajar Antarabangsa 21	Pelajar Antarabangsa 31
Pelajar Antarabangsa 2	Pelajar Antarabangsa 14	Pelajar Antarabangsa 22	Pelajar Antarabangsa 32
Pelajar Antarabangsa 3	Pelajar Antarabangsa 15	Pelajar Antarabangsa 24	Pelajar Antarabangsa 33
Pelajar Antarabangsa 5	Pelajar Antarabangsa 16	Pelajar Antarabangsa 25	Pelajar Antarabangsa 34
Pelajar Antarabangsa 6	Pelajar Antarabangsa 17	Pelajar Antarabangsa 27	Pelajar Antarabangsa 35
Pelajar Antarabangsa 7	Pelajar Antarabangsa 18	Pelajar Antarabangsa 28	Pelajar Antarabangsa 36
Pelajar Antarabangsa 9	Pelajar Antarabangsa 19	Pelajar Antarabangsa 29	Pelajar Antarabangsa 37
Pelajar Antarabangsa 11	Pelajar Antarabangsa 20		Pelajar Antarabangsa 38
Pelajar Antarabangsa 12			Pelajar Antarabangsa 40

Pernyataan yang diketengahkan oleh Pelajar Antarabangsa 12, 20, 29, dan 35 membuktikan kepentingan kemahiran dan penggunaan Bahasa Inggeris dalam membantu proses adaptasi kemandirian terutama pada tahun pertama pengajian di universiti. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah kurang keyakinan diri dalam kemahiran berkomunikasi dan kebolehan menulis dengan baik. Kekurangan tersebut menjejaskan keyakinan diri pelajar antarabangsa terutama apabila mereka terpaksa berhadapan dengan tugas. Pelajar antarabangsa juga turut menghadapi kesukaran kerana sumber rujukan berkualiti dan terkini kebanyakan datang dari bahan rujukan dalam talian yang menggunakan Bahasa Inggeris. Penguasaan Bahasa Inggeris

yang lemah memberi impak serta meningkatkan kesukaran mahasiswa untuk memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian. Ini dibuktikan dengan pandangan seperti di bawah:

*“Sebagai pelajar antarabangsa yang tidak fasih Bahasa Inggeris, saya mengalami kejutan budaya apabila merasa kurang berkeyakinan kerana bukan sahaja tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, malahan tidak mempunyai kemahiran menulis yang sangat kritikal dalam menyiapkan tugas. Apabila penguasaan Bahasa Inggeris menjadi caturan pencapaian akademik maka kekurangan tersebut banyak mempengaruhi adaptasi kemandirian pada tahun pertama saya di sini dan memberi impak negatif ke atas keputusan peperiksaan saya secara keseluruhan.”* (Pelajar Antarabangsa 12)

*“Saya rasa menjadi keperluan wajib bagi seorang pelajar universiti menguasai Bahasa Inggeris dalam memudahkan mereka mencari bahan bacaan dan sumber rujukan terkini. Era siber mendedahkan kita dengan pembelajaran dalam talian di mana sebahagian besar dari pencapaian ilmiah adalah melalui internet. Tanpa kemahiran Bahasa Inggeris ianya menambahkan kesukaran mengadaptasikan diri dalam suasana pembelajaran yang serba asing bagi kami.”* (Pelajar Antarabangsa 20)

*“Kurang kemahiran dalam Bahasa Inggeris tidak pernah saya jadikan halangan untuk lebih dekat dengan rakan-rakan tempatan dan pensyarah. Mereka adalah “training centre” untuk saya mengasah kebolehan berbahasa Inggeris. Semua orang tahu bahawa medium komunikasi bagi pelajar antarabangsa adalah hanya Bahasa Inggeris. Agak mustahil pula orang luar belajar bahasa ibunda negara saya. Jadi saya haruslah bergerak seiring dengan keperluan mendesak era globalisasi. Apa-apa pun saya harus berfikir positif. Sekurang-kurangnya matlamat untuk berjaya menguasai Bahasa Inggeris tercapai apabila diletakkan dalam suasana tiada pilihan sebegini.”* (Pelajar Antarabangsa 29)

*“Salah satu faktor mengapa keluarga menghantar saya melanjutkan pelajaran ke luar negara adalah untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris. Ini kerana pengalaman sebelum ini, keluarga saya berhadapan dengan masalah abang dan kakak saya yang sukar mendapatkan pekerjaan menggunakan kelayakan mereka hanya disebabkan oleh penguasaan Bahasa Inggeris mereka yang lemah. Pengalaman tersebut menjadikan ibu bapa saya bertekad untuk menghantar saya belajar ke luar negara. Walaupun pada awalnya saya mengalami kesukaran beradaptasi akibat kemahiran berbahasa, namun akhirnya penguasaan Bahasa Inggeris tersebut juga telah banyak membantu saya dalam mencapai prestasi akademik yang baik.”* (Pelajar Antarabangsa 35)

Antara pandangan yang dilontarkan lebih menjurus kepada kemelut kesukaran untuk mengikuti pembelajaran di universiti kerana terdapat pensyarah yang masih menggunakan bahasa ibunda semasa melaksanakan sesi kuliah. Alasan yang diberikan oleh tenaga pengajar tersebut adalah pelajar antarabangsa harus memandang serius untuk menguasai bahasa tempatan yang dikatakan akan memberi kelebihan kepada golongan tersebut. Perkara tersebut menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan pelajar antarabangsa. Pada pandangan mereka apabila sesebuah universiti memperoleh status sebagai sebuah universiti bertaraf antarabangsa maka pensyarah haruslah bersedia dan dilatih untuk melaksanakan kuliah dalam



Bahasa Inggeris. Status Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia tidak boleh dijadikan alasan ke atas ketidakpatuhan tersebut. Secara logik tempoh masa satu hingga tiga tahun di negara ini tidak mencukupi bagi seseorang mempelajari Bahasa Melayu. Rentetan dari kekusaran Pelajar Antarabangsa 40 berhubung isu pensyarah yang masih memilih untuk memberi kuliah dalam Bahasa Melayu dinyatakan seperti dibawah:

*“Alasan yang tidak munasabah sekiranya pensyarah masih lagi memberikan kuliah dalam Bahasa Melayu sedangkan mereka tahu terdapat pelajar antarabangsa yang mengikuti kuliah tersebut. Malahan kursus tersebut didaftarkan untuk memenuhi keperluan pelajar antarabangsa walaupun terdapat penyertaan oleh pelajar tempatan. Saya merasa tersinggung apabila saya diarahkan oleh pensyarah tersebut menguasai bahasa tempatan. Ini adalah perkara yang tidak adil bagi kami yang berada di negara ini kurang dari tiga tahun untuk belajar bahasa baru selain meningkatkan penguasaan dalam Bahasa Inggeris. Diletakkan di sebuah tempat asing dan menempoh cabaran adaptasi diri rasanya sudah cukup mencabar bagi kami. Oleh itu saya rasa pihak pengurusan universiti harus memastikan medium komunikasi pembelajaran dan pengajaran wajib dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris kerana kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa.”* (Pelajar Antarabangsa 40)

Insiden yang dilalui oleh Pelajar Antarabangsa 40 bukan merupakan masalah baru dan perlu ditangani oleh pihak pengurusan universiti secepat mungkin. Keengganan pensyarah untuk menggunakan Bahasa Inggeris secara mutlak dalam kursus yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa berupaya memberikan impak negatif ke atas reputasi universiti. Dasar pengantarabangsaan universiti yang meletakkan salah satu objektif utama bagi menarik lebih ramai enrolmen pelajar antarabangsa bakal berhadapan dengan kesukaran apabila pensyarah tidak memainkan peranan sewajarnya (Irma Wani *et al.*, 2017). Apabila percampuran bahasa dalam penyampaian kuliah terjadi maka perkara berkenaan menimbulkan kesukaran di pihak pelajar antarabangsa untuk memahami secara keseluruhan dan seterusnya memberi kesan terhadap kelestarian pencapaian akademik mereka (Kuo, 2011; Zhang dan Mi, 2014; O'Malley, 2017). Staff akademik harus memandang berat soal ketidakpatuhan peraturan pengajaran dalam Bahasa Inggeris terutama bagi kursus yang ditetapkan bagi pelajar antarabangsa di mana alasan bahawa terdapat lebih ramai pelajar tempatan mendaftar dalam kursus tersebut iaitu melebihi bilangan pelajar antarabangsa tidak boleh diterima. Keprihatinan pensyarah untuk membantu pelajar tempatan yang tidak mahir Bahasa Inggeris adalah sama dengan mengetepikan hak pelajar antarabangsa untuk mendapatkan ilmu sebaik mungkin menggunakan medium pengantar Bahasa Inggeris (Liew, 2012; Kim, 2015; James-MacEachern dan Yun, 2017).

### **Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Perakuan Akreditasi Berterusan Universiti Awam Malaysia**

Jangkaan adaptasi kemandirian yang mengaitkan kelestarian prestasi akademik siswazah berdasarkan akreditasi sesebuah universiti merupakan salah satu elemen utama yang menjadi pertimbangan oleh pelajar antarabangsa semasa membuat keputusan memilih sesebuah universiti sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b). Hasil kajian mengemukakan perakuan akreditasi berterusan yang diperoleh oleh sesebuah universiti termasuklah komponen seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar berhubung program yang ditawarkan, pemilihan pelajar dan sistem khidmat sokongan dan direktori kepakaran staf akademik

sebuah universiti. Antara dapatan kajian yang dominan adalah perakuan akreditasi berterusan seringkali menjadi kayu pengukur pemilihan pelajar memandangkan prospek mendapatkan pekerjaan selepas memperoleh ijazah dari universiti yang baik adalah menjadi matlamat utama pelajar (Hamad dan Suzanne, 2016; Nilsson dan Ripmeester, 2016).

**Jadual 3: Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Perakuan Akreditasi Berterusan Universiti Awam Malaysia**

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Antarabangsa 1	Pelajar Antarabangsa 14	Pelajar Antarabangsa 22	Pelajar Antarabangsa 32
Pelajar Antarabangsa 2	Pelajar Antarabangsa 15	Pelajar Antarabangsa 24	Pelajar Antarabangsa 33
Pelajar Antarabangsa 5	Pelajar Antarabangsa 17	Pelajar Antarabangsa 25	Pelajar Antarabangsa 35
Pelajar Antarabangsa 7	Pelajar Antarabangsa 18	Pelajar Antarabangsa 26	Pelajar Antarabangsa 36
Pelajar Antarabangsa 8	Pelajar Antarabangsa 19	Pelajar Antarabangsa 27	Pelajar Antarabangsa 37
Pelajar Antarabangsa 11	Pelajar Antarabangsa 20	Pelajar Antarabangsa 28	Pelajar Antarabangsa 38
Pelajar Antarabangsa 12		Pelajar Antarabangsa 29	Pelajar Antarabangsa 39
			Pelajar Antarabangsa 40

Sebilangan besar dari pelajar antarabangsa yang ditemu bual bersetuju bahawa matlamat sebuah universiti dalam mengekalkan akreditasi organisasi mereka telah menyumbang kepada faktor-faktor seperti penawaran silibus kursus yang komprehensif dan bersifat mesra pelajar bagi menarik kelompok pelajar yang lebih luas terutama dari luar negara. Berdasarkan Jadual 3 di atas, keterangan yang diberikan oleh Pelajar Antarabangsa 1, 14 dan 33 menyokong pernyataan tersebut.

*“Sebagai pelajar antarabangsa saya teruja untuk mengadaptasikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baru. Secara peribadi saya seronok apabila mendapati kursus-kursus yang ambil pada semester ini bersifat kontemporari dan bertepatan dengan prospek pekerjaan masa kini. Apabila perasaan seronok itu datang maka saya sendirinya saya rasa proses adaptasi diri menjadi cepat kerana keterujaan belajar di universiti ini. Saya amat mengharapkan agar saya dapat keputusan peperiksaan yang baik disebabkan minat mendalam”* (Pelajar Antarabangsa 1)

*“Perkara pertama yang saya lakukan adalah menyemak akreditasi penawaran ijazah pengajian universiti ini sebelum mendalami aspek-aspek berhubung dengan bidang pengajian saya. Ini adalah kerana saya adalah pelajar antarabangsa yang mendapat tajaan biasiswa dari kerajaan negara saya. Oleh itu saya tidak mahu pulang ke negara saya tanpa memperoleh pekerjaan menggunakan kelayakan yang sepatutnya”*. (Pelajar Antarabangsa 13)

*“Saya dinasihatkan oleh keluarga dan guru-guru yang berpengalaman untuk mendapatkan sebuah tempat pengajian yang mempunyai kualiti kaedah pengajaran dan pembelajaran agar proses adaptasi diri menjadi mudah dan tidak tertekan sekiranya sukar untuk memahami kandungan program pengajian. Malahan saya turut melakukan sedikit kajian berhubung direktori kepakaran staff akademik universiti untuk memastikan tenaga pensyarah adalah datangnya dari mereka yang pelbagai latar belakang pendidikan.” (Pelajar Antarabangsa 33)*

Jadual 3 yang mempersembahkan 28 dari 40 orang responden kajian secara konsensus berpendapat sebuah universiti yang merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan program pengajian adalah institusi pengajian tinggi yang memberi komitmen padu ke atas proses penambahbaikan berterusan program pengajian. Rentetan dari itu pandangan yang disampaikan oleh Pelajar Antarabangsa 1, 13 dan 33 adalah maklum balas positif berhubung kaedah pengajaran dan pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar berhubung program yang ditawarkan, pemilihan pelajar dan sistem khidmat sokongan dan direktori kepakaran staf akademik sesebuah universiti telah menjadi pemangkin kepada adaptasi kemandirian dan kelestarian prestasi akademik golongan tersebut (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Harvey, 2012; Liew, 2012; Kam, 2014; Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a).

### **Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Penawaran Program Pengajian Universiti Awam Malaysia yang Bersifat Kompetitif dan Nilai Tambah Kebolehpasaran**

Peluang belajar di universiti bukan bermakna turut menjamin peluang pekerjaan sejurus menamatkan pengajian. Justeru itu bagi pelajar antarabangsa yang datang dari segenap pelosok dunia, kepelbagaian program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti Awam Malaysia merupakan peluang terbaik di mana pelajar boleh mengikuti program pengajian yang diminati, di samping berupaya memperoleh ijazah dengan prospek kerjaya yang lebih menjamin pekerjaan (Noel, Levitz dan Saluri, 2012; Nilsson dan Ripmeester, 2016; Hamad dan Suzanne, 2016; Irma Wani *et al.*, 2018b). Kepelbagaian penawaran program pengajian di Universiti Awam Malaysia adalah sejajar dengan status pelbagai jenis universiti seperti universiti komprehensif, universiti penyelidikan dan universiti teknikal (KPT, 2018). Merujuk kepada sejarah penubuhan Universiti Awam Malaysia pada awal kemerdekaan sehingga kini telah memperlihatkan pembangunan kursus-kursus pengajian yang bersifat komprehensif dan menepati pasaran pekerjaan semasa (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Liew, 2012; Irma Wani *et al.*, 2019a; 2019b).

Jadual 4 merupakan dapatan kajian 25 orang pelajar antarabangsa yang mencapai konsensus berhubung kepelbagaian program pengajian bersifat kompetitif dari aspek struktur dan kandungan program antara elemen sering dikaitkan dengan kecenderungan pelajar memilih bidang pengajian yang menjadi minat sebenar mereka (Herlina *et al.*, 2018). Justifikasi berkenaan kemudiannya dikaitkan dengan keupayaan pelajar untuk melalui adaptasi kemandirian yang lebih proaktif dan seterusnya memberi impak ke atas pencapaian akademik mereka.

**Jadual 4: Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik  
Pelajar Antarabangsa Merujuk Penawaran Program Pengajian  
Universiti Awam Malaysia Bersifat Kompetitif dan Nilai Tambah Kebolehpasaran**

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Antarabangsa 3	Pelajar Antarabangsa 13	Pelajar Antarabangsa 21	Pelajar Antarabangsa 31
Pelajar Antarabangsa 4	Pelajar Antarabangsa 14	Pelajar Antarabangsa 22	Pelajar Antarabangsa 33
Pelajar Antarabangsa 6	Pelajar Antarabangsa 15	Pelajar Antarabangsa 23	Pelajar Antarabangsa 34
Pelajar Antarabangsa 8	Pelajar Antarabangsa 16	Pelajar Antarabangsa 26	Pelajar Antarabangsa 36
Pelajar Antarabangsa 10	Pelajar Antarabangsa 17	Pelajar Antarabangsa 28	Pelajar Antarabangsa 38
Pelajar Antarabangsa 12	Pelajar Antarabangsa 18	Pelajar Antarabangsa 30	Pelajar Antarabangsa 39
	Pelajar Antarabangsa 19		

Melalui pernyataan Pelajar Antarabangsa 10, 15 dan 22 menjelaskan bahawa program yang ditawarkan di Universiti Awam Malaysia adalah lebih berorientasikan prospek kerjaya. Ini dapat dilihat daripada dua pernyataan asal di bawah:

*“Saya teruja untuk mengikuti pengajian di sini kerana yakin dengan kredibiliti universiti ini dalam membuka peluang pekerjaan selepas saya menamatkan pengajian disebabkan program yang saya ikuti sememangnya mempunyai nilai tambah kebolehpasaran yang tinggi.”* (Pelajar Antarabangsa 10)

*“Pada pandangan saya nilai kebolehpasaran segulung ijazah bukan sahaja terletak pada keputusan yang cemerlang tetapi juga dilihat dari aspek rakan industri yang dijalinan oleh pihak universiti ini untuk sekian lamanya boleh menempatkan graduan universiti ini di pasaran pekerjaan yang mencabar.”* (Pelajar Antarabangsa 15)

*“Apa yang menjadi sasaran saya ketika memilih universiti ini adalah mendapat peluang untuk berada dalam kelompok rakan industri universiti ini yang berpotensi menjadi majikan apabila saya menamatkan pengajian dalam masa dua tahun dari sekarang.”* (Pelajar Antarabangsa 22)

Pernyataan dikemukakan oleh Pelajar Antarabangsa 10, 15 dan 22 selari dengan dapatan kajian beberapa sarjana seperti Liew (2012), Nilsson dan Ripmeester (2016) dan Hamad dan Suzanne (2016) yang menyatakan kebergantungan pelajar terhadap program pengajian yang bersifat kontemporari dan relevan dengan nilai tambah kebolehpasaran telah menjadi isu yang dibangkitkan. Pembuktian penglibatan secara aktif oleh pelajar antarabangsa mempunyai kelangsungan dengan keupayaan adaptasi kemandirian yang tinggi semasa mengikuti pengajian di negara ini. Seterusnya bukan sahaja prestasi akademik cemerlang menjadi matlamat pelajar, malahan berpotensi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi serta berkebolehan menjadi pemimpin yang baik di masa hadapan.

## Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Merujuk Kepuasan Pelanggan dan Penyelarasan Jaminan Berterusan Kualiti Perkhidmatan Universiti Awam Malaysia

Salah satu agenda utama dalam pelaksanaan dasar pengantarabangsaan, merujuk pada kualiti perkhidmatan dan komitmen berterusan yang diberikan kepada pelajar antarabangsa. Dalam konteks kajian ini kualiti perkhidmatan dilihat sebagai pemangkin kepada proses adaptasi kemandirian golongan pelajar antarabangsa yang mempunyai kesinambungan dengan kelestarian pencapaian akademik apabila bergraduasi. Isu yang mendapat perhatian pelajar berkaitan dengan dua elemen iaitu (i) kualiti operasi dan kecekapan tadbir urus kebajikan pelajar yang diurus oleh kakitangan sokongan dan (ii) kualiti komunikasi dua hala antara pelajar dan pihak universiti bagi peningkatan kepuasan pelajar semasa pengajian di universiti tersebut (Herlina *et al.*, 2018).

**Jadual 5: Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Kepuasan Pelanggan dan Penyelarasan Jaminan Kualiti Perkhidmatan Universiti Awam Malaysia**

Universiti I	Universiti II	Universiti III	Universiti IV
Pelajar Antarabangsa 1	Pelajar Antarabangsa 13	Pelajar Antarabangsa 21	Pelajar Antarabangsa 31
Pelajar Antarabangsa 3	Pelajar Antarabangsa 16	Pelajar Antarabangsa 22	Pelajar Antarabangsa 33
Pelajar Antarabangsa 4	Pelajar Antarabangsa 17	Pelajar Antarabangsa 24	Pelajar Antarabangsa 37
Pelajar Antarabangsa 7	Pelajar Antarabangsa 20	Pelajar Antarabangsa 25	Pelajar Antarabangsa 39
Pelajar Antarabangsa 9		Pelajar Antarabangsa 27	Pelajar Antarabangsa 40
Pelajar Antarabangsa 12		Pelajar Antarabangsa 29	

Jadual 5 mengemukakan pandangan 21 orang pelajar antarabangsa berhubung kepuasan mereka sebagai pelanggan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Universiti Awam Malaysia. Melalui maklum balas yang diperolehi dari Pelajar Antarabangsa 7 dan 16 menyatakan harapan pelajar sebagai pelanggan mendapatkan perkhidmatan terbaik dari universiti bagi memudahkan proses adaptasi kemandirian mereka terutama pada tahun pertama berada di universiti adalah lumrah biasa. Antara isu yang diutarakan dikaitkan dengan prestasi, sistem dan struktur perkhidmatan kakitangan sokongan.

*“Saya mempunyai harapan yang tinggi berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan sokongan terutama apabila saya berhadapan dengan dilema untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan seperti pendaftaran kursus, pembayaran yuran pengajian sehinggalah kepada perkhidmatan perpustakaan. Saya selalu merasa terpinggir apabila ketinggalan dan perkara ini mengganggu proses asimilasi kehidupan saya di sini. Bagi saya kualiti operasi dan kecekapan tadbir urus kebajikan pelajar seharusnya menjadi matlamat utama pihak pengurusan universiti kepada golongan pelajar antarabangsa.”* (Pelajar Antarabangsa 7)

*“Saya yakin hampir semua masalah dapat diatasi sekiranya pihak universiti memperlihatkan komitmen mereka dengan memberikan kami informasi tepat, keselesaan dalam mendapatkan perkhidmatan dan bersifat mesra pelajar. Saya pernah berhadapan dengan keadaan yang tidak keruan ketika masalah mula timbul apabila kakitangan sokongan tidak dapat responsif dengan empati terutama berhadapan dengan masalah seperti tempat tinggal yang tidak kondusif dan pengurusan visa pelajar yang bertanggung.” (Pelajar Antarabangsa 16)*

Sementara itu terdapat juga segelintir pelajar antarabangsa meletakkan kepercayaan terhadap usaha universiti dalam membantu mereka menempuh proses adaptasi kemandirian dari peringkat awal ketibaan pelajar di universiti berkenaan. Pelajar Antarabangsa 25 mengatakan inisiatif yang diambil oleh pihak universiti dari aspek menjaga kebajikan pelajar adalah terbukti dengan kecekapan urus selia Pejabat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa. Pandangan tersebut dapat dibuktikan melalui pernyataan Pelajar Antarabangsa 25 seperti berikut:

*“Ya, saya berpendapat peranan Pejabat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa di setiap universiti harus dioptimumkan agar proses adaptasi diri pelajar antarabangsa memberi kebaikan ke atas pencapaian akademik pada masa mendatang. Saya percaya setiap permasalahan yang timbul dapat ditangani dengan segera jika perkara tersebut mendapat perhatian Pejabat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa. Saya yakin sekiranya permasalahan dapat diselesaikan maka kepercayaan pelajar antarabangsa terhadap universiti akan meningkat dan ini menambahkan peluang untuk kami memfokuskan perhatian kami pada pencapaian pelajar masing-masing.” (Pelajar Antarabangsa 25)*

Dari pandangan yang dikemukakan oleh Pelajar Antarabangsa 25 jelas memperlihatkan bahawa hubungan kemanusiaan memberi kelebihan ke atas kepercayaan serta kredibiliti universiti melindungi kebajikan para pelajar. Rentetan dari kepercayaan tersebut akan membentuk kesetiakawanan dan rasa hormat jangka panjang. Manakala kecekapan tadbir urus dalam menyelesaikan konflik pelajar memberi timbal balik dengan kepuasan pelajar terhadap layanan yang diberikan seterusnya mewujudkan kelestarian dalam pencapaian prestasi akademik yang memberangsangkan. Tidak dapat dinafikan faktor kemanusiaan memberi impak positif dalam menjana keselesaan dalam diri pelajar antarabangsa (Irma Wani *et al.*, 2018a; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b).

Manakala Pelajar Antarabangsa 39 pula berpendapat keberkesanan komunikasi dua hala antara pelajar dan pihak universiti telah meningkatkan kepuasan diri sebagai pelajar sepanjang keberadaan beliau di universiti tersebut (Liew, 2012; Singh, Jack dan Schapper, 2014; Shapiro, Farrelly dan Tomas, 2014; Hamad dan Suzanne, 2016; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b). Tanggapan pelajar antarabangsa terhadap kualiti perkhidmatan merupakan penilaian hasil dari perbandingan antara pengharapan dengan servis sebenar yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti. Kenyataan Pelajar Antarabangsa 39 lebih menjurus kepada pemahaman seperti di bawah:

*“Komunikasi dua hala sangat penting terutama kepada pelajar antarabangsa yang sentiasa menghadapi kesukaran cuba mengadaptasi kemandirian mereka melalui dua bahasa yang berbeza. Tidak semua dari kami fasih berbahasa Inggeris walaupun bahasa tersebut merupakan sebuah medium universal. Justeru itu pihak universiti harus turut prihatin dengan kekurangan yang kami ada. Saya sangat berterima kasih*

*kerana terdapat kursus bahasa yang disediakan khas untuk pelajar antarabangsa yang kurang mahir berbahasa Inggeris. Kelas Bahasa Inggeris yang diadakan bukan sahaja menambah keyakinan diri tetapi juga membantu kami mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.” (Pelajar Antarabangsa 39)*

Hasil dari pernyataan sebilangan pelajar antarabangsa di atas jelas memperlihatkan bahawa penekanan yang diberikan oleh golongan pelajar antarabangsa tersebut lebih menjurus kepada kepuasan pelajar antarabangsa sebagai pelanggan yang prihatin dan responsif terhadap elemen-elemen seperti empati, jaminan, bukti fizikal dan kebolehpercayaan terhadap universiti dalam membantu mereka menempoh proses adaptasi kemandirian, yang seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Justeru itu, hasil perbincangan turut menumpukan peranan (i) kualiti operasi dan kecekapan tadbir urus kebajikan pelajar oleh kakitangan sokongan dan (ii) kualiti komunikasi dua hala antara pelajar dan pihak universiti bagi peningkatan kepuasan pelajar semasa pengajian.

### **Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Pengiktirafan Reputasi Universiti Awam Malaysia**

Maklum balas majoriti yang diterima daripada temu ramah mendalam ke atas 40 orang informan adalah menjurus kepada elemen pengiktirafan reputasi Universiti Awam Malaysia di persada antarabangsa. Terdapat 14 orang pelajar antarabangsa merujuk pengalaman adaptasi diri menjadi suatu proses yang lebih cepat apabila pelajar merasa bangga (*self-enhancement*) setelah diberi peluang untuk belajar di universiti berstatus antarabangsa. Hasil dari perasaan positif tersebut telah menukar perspektif pelajar ketika berhadapan dengan sebarang cabaran penyesuaian diri dalam budaya asing. Pelajar menganggap pengalaman tersebut adalah sesuatu yang bermakna dan harus dihargai. Justeru dengan meletakkan keyakinan terhadap kualiti pendidikan yang diterima dan percaya dengan prospek masa hadapan yang cerah selepas bergraduasi dari universiti berkenaan telah membantu kelestarian prestasi akademik pelajar.

**Jadual 6: Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Merujuk Pengiktirafan Reputasi Universiti Awam Malaysia**

<b>Universiti I</b>	<b>Universiti II</b>	<b>Universiti III</b>	<b>Universiti IV</b>
Pelajar Antarabangsa 2	Pelajar Antarabangsa 15	Pelajar Antarabangsa 23	Pelajar Antarabangsa 34
Pelajar Antarabangsa 5	Pelajar Antarabangsa 18	Pelajar Antarabangsa 25	Pelajar Antarabangsa 36
Pelajar Antarabangsa 8	Pelajar Antarabangsa 19	Pelajar Antarabangsa 27	
Pelajar Antarabangsa 10		Pelajar Antarabangsa 30	
Pelajar Antarabangsa 11			

Jadual 6 di atas memperlihatkan bilangan pelajar antarabangsa yang bersetuju dengan pengiktirafan reputasi universiti di persada antarabangsa sebagai salah satu faktor adaptasi kemandirian yang memberi impak positif. Pelajar Antarabangsa 5 dan Pelajar Antarabangsa 18 menggunakan pengalaman peribadi masing-masing ketika melontarkan pandangan bahawa apabila sesebuah universiti mempunyai sistem yang stabil, sistematik dan proaktif berhubung kebajikan pelajar, maka secara tidak langsung, kelebihan sistem tersebut memberi

lalu kepada golongan pelajar antarabangsa mengadaptasikan diri dengan persekitaran yang baru (Harvey, 2012). Antara isu-isu yang ditimbulkan menyatakan keputusan mereka tepat apabila memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian dan ia berhubung rapat dengan reputasi Universiti Awam Malaysia sebagai sebuah universiti yang komprehensif, bukan saja dari segi governan pelajar antarabangsa malahan dari aspek tadbir urus kebijakan pelajar antarabangsa dari hari pertama mereka tiba di negara ini. Pengukuhan pandangan tersebut boleh dilihat dari naratif temu bual seperti di bawah:

*“Sebagai seorang pelajar antarabangsa dari hari pertama di negara ini saya berhadapan dengan situasi yang asing dan serba baru. Namun saya berasa bertuah kerana universiti menguruskan dengan sistematik segala perjalanan pendaftaran program pengajian, malahan mengatur penginapan pelajar antarabangsa. Perkara tersebut membuatkan saya tidak terumbang-ambing dan sentiasa terpandu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Perkhidmatan diberikan oleh universiti ini sejajar dengan reputasinya sebagai salah sebuah universiti terbaik di Asia Tenggara. Saya tidak menyesal memilih universiti ini kerana saya berpendapat permulaan pengalaman yang baik akan membuahkan hasil yang baik juga. Saya juga percaya dengan cara sistem pengurusan universiti yang sistematik dan mesra pelajar akan memberi implikasi positif terhadap perjalanan akademik pelajar antarabangsa di sini dan akhirnya akan berjaya membentuk dan melahirkan graduan yang berkualiti”.* (Pelajar Antarabangsa 5)

*“Minggu suai mesra yang pada awalnya saya rasa amat lama yang dianjurkan oleh universiti kepada semua pelajar baru, sebenarnya memberi impak yang sangat mendalam ke atas keyakinan diri saya sebagai pelajar antarabangsa. Kami dipaksa untuk bergaul dan menyesuaikan diri dengan kadar yang cepat apabila terlibat dengan aktiviti-aktiviti minggu suai mesra yang melibatkan pendedahan sistem pembelajaran dan pengajaran di universiti ini. Malahan apabila dipaksa untuk bercampur gaul dengan pelajar tempatan, maka aspek silang budaya yang selama ini saya anggap suatu proses yang sukar rupa-rupanya dapat diatasi dengan sekejap sahaja. Saya dapati penguasaan Bahasa Inggeris semakin baik kerana berada dalam suatu keadaan yang terpaksa berkomunikasi dengan pensyarah dan rakan sepanjang masa. Seperkara lagi penawaran kursus yang dikenali sebagai kursus teras universiti telah memberi pengetahuan umum yang tidak hanya mengkhusus kepada kursus dari fakulti. Saya rasa sistem ini sangat menepati pembangunan sahsiah diri graduan berkualiti.”* (Pelajar Antarabangsa 18)

Berdasarkan pernyataan yang dikongsi oleh Pelajar Antarabangsa 5 dan 18 di atas membuktikan bahawa sistem universiti yang bersifat sistematik dan mesra pelajar turut dikatakan sebagai salah satu elemen dominan yang berupaya untuk mempengaruhi minda pelajar antarabangsa untuk bergerak secara progresif bagi mencapai prestasi akademik cemerlang dari seawal tahun pertama pengajian (Azizah, Hamidah dan Roziana Shaari, 2011; Liew, 2012; Harvey, 2012; McInnis, James dan Hartley, 2012; Noel, Levitz dan Saluri, 2012). Selain dari mempunyai sistem sokongan pentadbiran yang baik, kualiti pengajaran yang dilaksanakan oleh diversiti tenaga pengajar berkeelayakan telah memberikan implikasi berbeza ke atas kualiti pembelajaran pelajar. Tambahan dengan reka bentuk kurikulum bersesuaian menjadi pemangkin kepada kemandirian adaptasi golongan pelajar antarabangsa untuk merasai keseronokan menempoh pengalaman sebagai pelajar luar negara. Pengalaman positif tersebut seterusnya memberi kelestarian dari aspek kepuasan pelajar sendiri yang



akhirnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Azizah, Hamidah dan Roziana, 2011; Herlina *et al.*, 2017).

Selain dari itu hasil dapatan kajian turut memperlihatkan adaptasi kemandirian dan kelestarian pencapaian akademik pelajar antarabangsa dikaitkan juga dengan keseronokan menjalinkan hubungan persahabatan dengan pelajar tempatan. Dengan keakraban tersebut membantu mempertingkatkan jaringan sosial pelajar antarabangsa dalam komuniti kampus (Gresham, 2013; Lee dan Ciftci, 2014; Arkoudis dan Baik, 2014; Hamad dan Suzanne, 2016; Irma Wani *et al.*, 2018a). Pandangan dari Pelajar Antarabangsa 27 bukan sahaja memuji sifat yang dimiliki oleh rakan-rakan seperjuangan tempatan yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, malahan masyarakat umum secara keseluruhan merupakan suatu contoh yang terbaik menggambarkan masyarakat majmuk dalam sebuah negara yang mementingkan keharmonian. Sifat mesra dan mudah didekati tersebut menyebabkan pelajar antarabangsa tidak terasa terasing. Suasana tersebut banyak membantu pelajar antarabangsa menjalani adaptasi kemandirian dengan lebih mudah serta dalam masa yang singkat. Justeru itu pelajar antarabangsa tidak terasa terasing lantas berjaya mencapai zon selesa untuk memfokuskan diri dalam pelajaran yang menjadi matlamat utama mereka datang melanjutkan pengajian tinggi di luar negara. Berdasarkan petikan dialog di bawah menggambarkan dengan lebih jelas berhubung pengalaman positif pelajar antarabangsa berhubung proses adaptasi kemandirian di negara ini:

*“Bercakap tentang proses mengadaptasikan diri ketika awal tiba di sini, yang saya ingat sehingga hari ini adalah sifat positif masyarakat di sini sangat membantu di atas penerimaan mereka terhadap golongan pelajar antarabangsa seperti kami. Tidak dapat dinafikan kami dikatakan sebagai salah satu penyumbang kepada pendapatan universiti kerana membayar yuran pengajian yang tinggi. Tetapi pilihan untuk berada di sesebuah universiti turut bergantung pada reputasi universiti apabila dikaitkan dengan kepuasan pelajar antarabangsa belajar. Maklum balas yang diterima oleh rakan-rakan yang terlebih dahulu berada di sini rata-rata adalah memberangsangkan. Apabila saya sudah berada di sini, maka saya merasakan keputusan dilakukan adalah bertepatan. Sikap keterbukaan dan kerjasama rakan dan pensyarah universiti, malahan masyarakat tempatan yang begitu banyak memudahkan urusan kami sebenarnya telah mempercepatkan kepada adaptasi diri di sini. Bergerak dari keselesaan tersebut membuatkan saya banyak masa untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran”.* (Pelajar Antarabangsa 27)

Terdapat juga sebilangan pelajar antarabangsa yang ditemu ramah tidak merasakan reputasi universiti yang baik boleh secara langsung memberi indikasi positif terhadap keseluruhan kelestarian pencapaian akademik mereka (Sawir, 2014; Tran dan Vu, 2016; O’Malley, 2017; Li dan Zizzi, 2018). Mengambil kira perspektif tersebut, pandangan majoriti dari pelajar antarabangsa lebih memfokuskan kepada fungsi keseimbangan adaptasi kemandirian pengalaman tahun pertama di luar negara sebagai aspek utama kelestarian pencapaian baik dalam prestasi akademik mereka. Pandangan Pelajar Antarabangsa 30 dikatakan informasi adaptasi kemandirian pelajar antarabangsa yang dihubungkan dengan kelestarian pencapaian akademik semasa melanjutkan pengajian di luar negara.

*“Saya lebih percaya gabungan reputasi universiti yang baik dari konteks akreditasi dan pengalaman pihak pengurusan universiti mentadbir urus pelajar antarabangsa sepanjang keberadaan mereka di Malaysia boleh menyumbang kepada kelestarian*

*pencapaian akademik kami. Bukan perkara yang mustahil terdapat pelajar antarabangsa yang belajar di universiti yang tidak begitu dikenali masih lagi mendapat pengalaman positif serta memperoleh keputusan yang cemerlang. Namun adalah sesuatu yang terbaik sekiranya pelajar antarabangsa tersebut berjaya mendapatkan semua elemen seperti reputasi universiti yang bagus serta tidak pengalaman negatif berhubung proses adaptasi di luar negara. Saya yakin jati diri dan usaha seseorang individu turut menyumbang kepada prestasi akademik yang cemerlang” (Pelajar Antarabangsa 30)*

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan terdapat segelintir pelajar antarabangsa masih tidak bersetuju dengan kenyataan yang mengaitkan reputasi sesebuah universiti bertanggungjawab dalam memberikan impak positif terhadap adaptasi kemandirian pelajar antarabangsa. Pengalaman yang ditempuhi ketika berada di negara tuan rumah adalah lebih merujuk kepada gabungan ketersediaan individu berada di luar dari zon selesa dan dibantu dengan sistem sokongan sesebuah universiti itu sendiri. Hasil dapatan tersebut selari dengan kajian yang dijalankan dengan Mazzarol dan Soutar (2002) yang menyatakan elemen reputasi sesebuah universiti merupakan kriteria dominan dipertimbangkan oleh pelajar antarabangsa sebelum melanjutkan pengajian di luar negara.

### **Kesimpulan**

Perbincangan kertas kerja ini merupakan hasil dapatan kajian yang merungkai elemen adaptasi kemandirian yang membawa perbezaan terhadap kelestarian pencapaian akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Awam Malaysia. Perkongsian pengalaman pelajar antarabangsa tersebut telah membawa kepada penemuan ilmu yang baru dan mengisi kelompangan literatur pengurusan pelajar antarabangsa terutama dalam konteks proses adaptasi diri tahun pertama di negara tuan rumah. Maklum balas diketengahkan dalam perbincangan kertas kerja ini lebih memberi penumpuan tentang pandangan naratif pelajar antarabangsa mengenai kelebihan dan kekurangan sistem pendidikan Universiti Awam Malaysia. Antara isu-isu yang ditimbulkan oleh pelajar antarabangsa dan dilihat berpotensi untuk melahirkan implikasi berbeza ke atas adaptasi kemandirian keyakinan diri pelajar adalah seperti keyakinan pelajar terhadap reputasi universiti, kepuasan pelajar yang mementingkan amalan mesra pelanggan dari pihak universiti, jaminan kualiti perkhidmatan, perakuan akreditasi berterusan, penawaran program pengajian bersifat kontemporari dan mempunyai nilai tambah kebolepasaran serta dasar universiti yang berusaha ke arah memperkasa Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar universiti. Akhir kata, matlamat utama pelajar antarabangsa menyambung pengajian ke luar negara adalah untuk memperoleh pengalaman baru, mengenali budaya tempatan serta mendapatkan kelebihan dari sistem pendidikan yang semestinya berbeza daripada negara asal. Justeru itu proses adaptasi diri ke atas persekitaran baru menjadi lebih positif dengan sokongan pihak universiti yang terdiri dari kakitangan sokongan, staf akademik dan pelajar tempatan.

### **Rujukan**

- Abd Hair Awang, Zaimah Ramli dan Izzurazlia Ibrahim. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Antarabangsa ke Universiti Penyelidikan di Malaysia. *GEOGRAFIA – Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (6): 32-41.
- Ahmad, S. Z., and Buchanan, F. R. (2017). Motivation Factors in Students Decision To Study at International Branch Campuses in Malaysia. *Studies in Higher Education*, 42 (4): 651–668.

- Arkoudis, S. and Baik, C. (2014). Crossing the Interaction Divide Between International and Domestic Students in Higher Education. *Review of Higher Education (HERDSA)*, 1:47-62.
- Arokiasamy, A. R. A. (2012). Globalization and Higher Education: A Malaysian Perspective Globalization and Internationalization Rationale for Globalization. *International Journal of Advances in Management and Economics*, 1 (3): 10-16.
- Azizah Rajab, Hamidah Abd Rahman and Roziana Shaari. (2011). The International Students' Perception Towards the Education Quality. *International Journal of Social Science and Humanity Studies*, 3 (2): 49-58.
- Babbie, E. (2017). *The Basics of Social Research (7th Ed.)*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Becker, R., and Kolster, R. (2012). *International Student Recruitment: Policies And Developments in Selected Countries*. The Hague, The Netherlands: Nuffic.
- Boado, H. C. B., Hu, Y., and Soysal, N. Y. (2017). Why Study Abroad? Sorting of Chinese Student Across British Universities. *British Journal of Sociology of Education*, 39 (3): 365–380.
- Bourke, A. (2012). A Model of the Determinants of International Trade in Higher Education. *The Service Industries Journal*, 20 (1): 110-138.
- Cao, C., and Meng, Q. (2012). Mapping the Paths from Language Proficiency to Adaptation for Chinese Students in a Non-English Speaking Country: An Integrative Model of Mediation. *Current Psychology*, 1–12.
- Chen, J.M. (2017). "Three Levels of Push-Pull Dynamics Among Chinese International Students' Decision to Study Abroad in the Canadian Context". *Journal of International Students*, 7 (1): 113-135.
- Chew FC, Russayani Ismail, Eam LH. (2010). Factors Affecting Choice for Education Destination: A Case Study of International Students at Universiti Utara Malaysia. Related Article.
- Choudaha R, Chang L. (2012). *Trends in International Student Mobility*. Research report. World Education Services.
- Counsell, D. (2011). Chinese Students Abroad: Why They Choose the UK and How They See Their Future. China: *Journal of International Students*, 9 (1): 48-71.
- Creswell, J.W. (2013). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Devi, B., Nair, V. (2008). First Year Experience of International Student in Malaysia: A Private Higher Education Viewpoint. *Globalization and Internationalization of Higher Education in Malaysia* (pp. 178-209). Penang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Dora, M.T.H., Ibrahim, N.R.D.W., Ramachandran, S.D., Kasim, A. and Saad, M.S.M. (2014). A Study on Factors That Influence Choice of Malaysian Institution of Higher Learning for International Graduate Students. *Journal of Human Capital Development*, 2 (1): 105-113.
- Eriksson, P and Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research*. 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Falcone, S. (2017). International Students' Recruitment: Trends and challenges. *Journal of International Students*, 7 (2): 246–256.
- Flick, U. (2014). *An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.)*. SAGE, London.
- Gabel, R.S, Dolen, S.L and Cerdin, J.L. (2013). Emotional Intelligence as Predictor of Cultural Adjustment for Success in Global Assignment. *Career Development International*. 10 (5): 375- 395.

- Gilakjani. (2015). *The Significance of Pronunciation in English Language Teaching*. English Language Teaching, 5 (1): 96.
- Glass, C. R., and Westmont, C. M. (2014). Comparative Effects of Belongingness on The Academic Success and Cross-Cultural Interactions of Domestic and International Students. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 106-119.
- Gresham, R. (2013). Interaction between International Students and Local Communities. *Journal of the Australia and New Zealand student services Association*, 21: 20-34.
- Hamad Alghamdi and Suzanne Otte. (2016). The Challenges and Benefits of Study Abroad. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6 (5).
- Han, X., Gebbie, M., A., and Appelbaum, R. (2015). *Will They Stay or Will They Go? International Graduate Students and Their Decisions to Stay or Leave the U.S. upon Graduation*. Plos One, 10 (3): 1–18.
- Harvey, L. (2012). *Quality Assessments in Higher Education: Collected paper of the QHE Project*, Birmingham QHE.
- Herlina, J., Irma Wani. O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., and Rudy Adie, R. (2017). Factors Influencing International Student's Decision in Choosing Study Destination Abroad. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 86-97.
- Hirai, R., Frazier, P., and Syed, M. (2015). Psychological and Sociocultural Adjustment of First-Year International Students: Trajectories and Predictors. *Journal of Counselling Psychology*, 62 (3): 438.
- Hu, D., et al., (2016). International students in Chinese higher education: choices, expectations, and experiences. in: Bista, K., Foster, C. (Eds.), *Global Perspectives and Local Challenges Surrounding International Student Mobility*. IGI Global, Hershey, PA: 153–178.
- Irma Wani Othman, Hasbullah Bin Awang and Norazah Mohd Suki. (2019a). First Year International Students' Experience in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2), pp.23-38.
- Irma Wani Othman, Herlina Jupiter and Norazah Mohd Suki. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2), pp.185-200.
- Irma Wani, O., Herlina, J., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., and Hasbullah, A. (2018a). Social Factors Influencing International Student's Decision In Choosing Universiti Malaysia Sabah As A Study Destination. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8):87-97.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Abu Bakar, A. H., Herlina, J., and Hasbullah, A. (2018b). Benefiting the Experience of International Students: Principles and Policies of Internationalisation of Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(9):68-79.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., dan Herlina, J. (2017). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017):98-108.
- James-MacEachern, M. and Yun, D. (2017). "Exploring Factors Influencing International Students' Decision to Choose a Higher Education Institution: A Comparison between Chinese and Other Students". *International Journal of Educational Management*, 31 (3): 343-363.

- Kam Soon Leng. (2014). *Penilaian Persepsi Pelajar Antarabangsa Tentang Pengalaman Pembelajaran Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Kim, Y.Y. (2015). *Communication and Cross- Cultural Adaption: An Integrative Theory*. The University of Michigan.
- Kuo, Y. H. (2011). Language Challenges Faced by International Graduate Students in The United States. *Journal of International Students*, 1(2): 38-42.
- Lee, C. S. (2017). On the Cognitive Benefits of Cultural Experience: Exploring The Relationship Between Studying Abroad and Creative Thinking. *Applied Cognitive Psychology*, 26 (5): 768-778.
- Lee, S.W. (2016). "Circulating East to East: Understanding the Push-Pull Factors of Chinese Students Studying in Korea", *Journal of studies in international education*, 21 (2): 170-190.
- Lee, J., and Ciftci, A. (2014). Asian International Students' Sociocultural Adaptation: Influence of Multicultural Personality, Assertiveness, Academic Self-Efficacy, And Social Support. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 97–105
- Lewis, W. (2016). Study Abroad Influencing Factors: An Investigation of Socio-Economic Status, Social, Cultural, and Personal Factors. *The Undergraduate Research Journal at the University of Northern Colorado*, 5 (3).
- Li, S., and Zizzi, S. (2018). A Case Study of International Students' Social Adjustment, Friendship Development, and Physical Activity. *Journal of International Students*, 8 (1): 389–408.
- Liew Chei Siang. (2012). Analisis Kepuasan Terhadap Program Pengajian Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII*, 2: 1019–1031.
- Low, J. (2014). *Internationalization of Higher Education in Malaysia*. M.A. thesis. Ningbo: Ningbo University.
- Madge, C., P. Raghuram, and P. Noxolo. (2015). Conceptualizing International Education From International Student to International Study. *Progress in Human Geography*, 39 (6): 681–701.
- Martirosyan, N. M., Hwang, E., and Wanjohi, R. (2015). Impact of English Proficiency on Academic Performance of International Students. *Journal of International Students*, 5 (1): 60-71.
- Mazzarol, T., and Soutar, G.N. (2002). Push-Pull Factors Influencing International Student Destination Choice. *International Journal of Educational Management*, 16 (2): 82-90.
- McInnis, C., James, R. and Hartley, R. (2012). Trends in the First Year Experience in Australian Universities: *Evaluations and Investigations Programme*. Higher Education Division. Melbourne: Centre for Study of Higher Education, Department of Education, Training and Youth Affairs.
- Newsome, L.K, Cooper, P. (2016). International Students' Cultural and Social Experiences In A British University: "Such a hard life [it] is here". *Journal of International Students*, 6 (1): 195-215.
- Nilsson, P. A., and Ripmeester, N. (2016). International Student Expectations: Career, Opportunities and Employability. *Journal of International Students*, 6 (2): 614.
- Noel, L., Levitz, R. and Saluri, D. (Eds.). (2012). *Increasing Student Retention: Effective Programs and Practices for Reducing the Dropout Rate*. San Francisco: Jossey- Bass.

- Thomas, F., and Sumathi, G. N. (2016). Acculturative Stress and Social Support Among The International Students: An Empirical Approach. *Global Management Review*, 10 (3): 61-72.
- Thomas, G. (2011). How to do Your Case Study. London: *Sage Publication Ltd.*
- Tran, L. T., and Vu, T. T. P. (2016). "I'm Not Like That, Why Treat Me the Same Way?" The Impact of Stereotyping International Students on Their Learning, Employability and Connectedness with The Workplace. *The Australian Educational Researcher*, 43 (2): 203–220.
- O'Malley, B. (2017). Study Identifies Key Challenges for Foreign Students. *University World News*.
- Sawir, (2014). Loneliness and International Students: An Australian Study. *Journal of Studies in International Education*, 12 (1), 148-180.
- Seidman, I. (2006). Interviewing as Qualitative Research: *A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd Ed.). Teachers College Press.
- Shapiro, S., Farrelly, R., and Tomas, Z. (2014). Fostering International Student Success In Higher Education. Alexandria, VR: *TESOL press*.
- Shanka, T., Quintal, V., and Taylor, R. (2012). Factors Influencing International Students' Choice of an Education Destination- a Correspondence Analysis. *Journal of Marketing for Higher students- Education*, 15 (2): 31-46.
- Simons, H. (2009). Case Study Research in Practice. Los Angeles: *Sage Publication Ltd.*
- Singh, J. K. N., Jack, G. and Schapper, J. (2014). Factors That Contribute to Academic Success of International Students: A Literature Review. *Bulletin of Higher Education Research*, 19: 4-6.
- Universiti kebangsaan Malaysia. (2015). *UKM akan tingkatkan pengambilan pelajar siswazah berbanding pra-siswazah pada nisbah 50:50 menjelang 2015*. <http://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2010/julai-2010/ukm-akan-tingkatkan-pengambilan-pelajar-siswazah-berbanding-pra-siswazah-pada-nisbah-5050-menjelang-2015/>. Diakses pada 15 Oktober 2020.
- www.bernama.com. 2019. *Pelajar antarabangsa belanja RM46,000 setahun*. Diakses pada 15 Oktober 2020.
- www.beritartm.gov.my. 2016. *Kemasukan pelajar antarabangsa meningkat*. Diakses pada 18 Oktober 2020.
- Yan, K. (2017). Chinese International Students in the United States: Adjustment Problems and Coping Behaviors. *Chinese International Students' Stressors and Coping*. Singapore: Springer.
- Yorke, M. and Longsdon, B. (2007). The First Experience in Higher in the UK. Heslington York: *The Higher Education Academy*.
- Zhang and Mi. (2014). Another Look at the Language Difficulties of International Students. *Journal of Studies in International Education*, 14 (1): 371-388.